



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

UMK.PC/B01.02/100-6/1(16)

24 APRIL 2012

PEKELILING AKADEMIK BIL. 5/2012

**PENANGGUHAN KULIAH/ KELAS SEMPENA PROGRAM WALKATON D'RAJA KELANTAN
2012 - WALK WITH ME**

Adalah dimaklumkan bahawa Pertubuhan Kerabat D'Raja Kelantan Al-Muhammadi akan menganjurkan Program Walkaton D'Raja Kelantan 2012 - *Walk With ME* pada 3 Mei 2012 mulai jam 3.00 petang bertempat di Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu, Kelantan. KDYMM Sultan Kelantan dan YTM Tengku Mahkota Kelantan berkenan mencemar duli untuk turut serta bersama rakyat dalam program tersebut.

2. Sehubungan dengan itu, semua pelajar Universiti Malaysia Kelantan adalah diwajibkan untuk menyertai program tersebut dan semua pensyarah diminta menangguhkan kuliah/ kelas pada hari berkenaan sepertimana berikut :

Bil.	Kampus	Waktu Kuliah/ Kelas Dikekalkan Mengikut Jadual Asal	Waktu Kuliah/ Kelas Ditangguhkan
1.	Kampus Pengkalan Chepa	8.00 pagi - 11.00 pagi	Selepas pukul 11.00 pagi
2.	Kampus Bachok	8.00 pagi - 11.00 pagi	Selepas pukul 11.00 pagi
3.	Kampus Jeli	8.00 pagi - 10.00 pagi	Selepas pukul 10.00 pagi

3. Selain itu, semua pelajar juga dibenarkan memakai pakaian sukan semasa menghadiri kuliah/ kelas pada hari berkenaan.

4. Dengan ini semua pihak dipohon mengambil perhatian dan tindakan selanjutnya mengenai perkara di atas. Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"ISLAM DIJUNJUNG, RAJA DISANJUNG, RAKYAT DIPAYUNG"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,



PROF. DATO' DR. MORTAZA BIN MOHAMED
Yang Menjalankan Tugas Naib Canselor

- s.k. - Pendaftar
 - Semua Dekan/ Pengarah Pusat
 - Edaran